



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 10.00 pagi, 5 Ogos 2026

Untuk Terbitan Media
5 Ogos 2026

SIARAN MEDIA

KEMALANGAN PESERTA RXZ: BALU MANGSA KEMALANGAN MAUT LAYAK TERIMA FAEDAH SEPANJANG HAYAT

KUALA LUMPUR: Waris kepada empat peserta RXZ Member 8.0 yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya dalam empat kejadian berasingan pada 31 Julai dan 1 Ogos lepas layak menerima faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

PERKESO dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan hasil semakan Skuad PERKESO Prihatin mendapati kesemua mangsa yang terlibat, berusia antara 20 hingga 47 tahun, merupakan pencarum aktif di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Menurut kenyataan itu, kes pertama melibatkan Mohd Fauzi Othman, 44, yang disahkan meninggal dunia akibat kecederaan parah selepas motosikal ditunggangnya terbabas di kilometer 184.9 Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1) menghala ke Terengganu pada 31 Julai lalu.

“Menerusi caruman dibuat sepanjang arwah bekerja, waris Allahyarham iaitu balu dan lima anaknya layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan Faedah Pencen Penakat di bawah Skim Keilatan. Waris akan menerima FPM sebanyak RM3,000 secara sekali bayar bagi menampung kos pengembumian mangsa.

“Pencen Penakat secara bulanan berjumlah RM 1,794.58 mengikut syer masing-masing juga akan diberikan seumur hidup kepada balu arwah, manakala anak-anak layak menerimanya sehingga usia 21 tahun atau sehingga tamat pengajian peringkat ijazah pertama,” jelas PERKESO.

Bagi balu dan tiga anak arwah Zulkanain Mat Said, 39, yang meninggal dunia dalam kemalangan di Gambang pada 31 Julai lalu, turut dilindungi di bawah Akta sama.

Waris arwah layak menerima faedah sama iaitu FPM berjumlah RM3,000 serta Faedah Pencen Penakat berjumlah RM1,840.13 mengikut syer masing-masing yang akan diterima balunya untuk sepanjang hayat. Anak-anak arwah pula layak menerima bantuan sehingga usia 21 tahun atau tamat pengajian peringkat ijazah pertama.

Sementara itu, waris kepada Muhammad Shahrul Mohd Sabri, 20, yang disahkan maut akibat kemalangan di kilometer 258.6 Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) menghala ke Terengganu pada 1 Ogos pula disahkan layak menerima beberapa faedah daripada Skim LINDUNG 24 Jam.

Semakan mendapati waris Allahyarham layak menerima FPM dan Faedah Orang Tanggungan (FOT) di bawah skim berkenaan.

“Sebagai pencarum aktif LINDUNG 24 Jam di bawah Akta 4, waris beliau layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM3,000 secara sekali bayar serta pencen bulanan menerusi Faedah Orang Tanggungan (FOT).

“Disebabkan arwah belum berkahwin, FPM berjumlah RM3,000 akan diberikan secara terus kepada waris manakala FOT berjumlah RM1115.10 akan disalurkan mengikut syer masing-masing kepada ibu

dan bapa arwah untuk seumur hidup sementara tiga adiknya sehingga berumur 21 tahun,” jelas PERKESO.

Jika dihitung untuk tempoh jangka panjang bagi sekurang-kurangnya 20 tahun akan datang, jumlah keseluruhan FOT yang akan disalurkan kepada waris adalah lebih RM260,000. Ini membuktikan caruman LINDUNG 24 Jam adalah penting dalam membantu waris yang ditinggalkan kekal dilindungi.

Selain itu, Durulmaizi Salamon, 47, yang mengalami kecederaan bahu dan kaki kanan akibat kemalangan di kilometer 294 LPT2, Kemaman pada 31 Julai lalu, turut disahkan sebagai pencarum aktif LINDUNG 24 Jam.

“Beliau layak menerima Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) yang akan dimuktamadkan mengikut tempoh cuti sakit serta Bayaran Ganti Belanja bagi membiayai kos perubatan ketika menerima rawatan di hospital,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu, suaminya yang meninggal dunia akibat kemalangan sama tidak layak menerima faedah daripada PERKESO kerana bukan pencarum. Begitupun, PERKESO merujuk kes berkenaan ke agensi lain menerusi inisiatif *Social Synergy*.

PERKESO dalam kenyataannya menzahirkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga yang diuji, serta mendoakan agar mereka terus diberi kekuatan dalam mengharungi tempoh yang sukar ini.

“PERKESO menasihatkan orang ramai agar sentiasa berhati-hati di jalan raya dan mengambil langkah proaktif dalam memastikan perlindungan diri terjamin walaupun di luar waktu kerja menerusi LINDUNG 24 Jam.

“Fahamilah caruman ini bukan sekadar untuk diri sendiri, tetapi merupakan tanggungjawab demi melindungi masa depan anak-anak dan waris yang ditinggalkan. PERKESO adalah rakan terbaik kepada anda semua pada ketika dilanda kesusahan akibat kemalangan,” ujar PERKESO.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai LINDUNG PEKERJA, Akta 800 sebagai LINDUNG KERJAYA, Akta 789 (SKSPS) sebagai LINDUNG KENDIRI, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai LINDUNG KASIH. Sementara itu, bermula 1 Jun 2026, LINDUNG 24 Jam dikuatkuasakan yang memberi perlindungan jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja di dalam negara bagi pekerja yang mencarum LINDUNG Pekerja. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
5 Ogos 2026